



**SOALAN LAZIM (FAQ'S)**  
**BERKAITAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**  
**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**  
**BILANGAN 2**

**JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (JKKP)**

- 1. Adakah sektor pembinaan (kerja – kerja binaan atau ubahsuai bangunan) tertakluk kepada Perintah Kawalan Pergerakan (Perintah) yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri?**

Ya. Berdasarkan kenyataan media MKN 18 Mac 2020, aktiviti Pembinaan dikelaskan sebagai perkhidmatan non-essential. Ini bermakna semua kerja-kerja pembinaan dan penyenggaraan perlu diberhentikan.

- 2. Adakah terdapat pengecualian terhadap mana-mana industri pembinaan dan penyenggaraan dari Perintah tersebut?**

Ada iaitu bagi kerja - kerja kritikal.

- 3. Apakah yang dimaksudkan dengan kerja - kerja kritikal?**

Kerja - kerja kritikal adalah kerja-kerja yang mana jika sekiranya tidak diteruskan boleh mendatangkan mara bahaya atau kemudaratan kepada pekerja, orang awam atau persekitaran.

- 4. Apakah contoh kerja - kerja kritikal yang berada dalam skop JKPP?**

Contoh kerja-kerja kritikal adalah seperti berikut:

- a. Pembaikan Cerun;
- b. Traffic Management Control (TMC);
- c. Kerja-kerja naik taraf fasiliti di premis-premis perkhidmatan kritikal;
- d. Kerja –kerja memastikan keselamatan perancah;

- e. Kerja-kerja memastikan keselamatan kerin menara dan kerin berantai;
- f. Pembinaan Bailey Bridge di lokasi jambatan roboh;
- g. Kerja-kerja kecemasan yang termaktub dalam perjanjian kontrak; dan
- h. Kerja-kerja lain yang jika tidak disempurnakan boleh mendatangkan bahaya

**5. Bagaimanakah cara mengemukakan permohonan untuk mendapatkan kelulusan JKPP bagi melakukan kerja-kerja kritikal dalam industri pembinaan?**

Dokumen permohonan berikut perlu dikemukakan iaitu:

- a. Surat rasmi permohonan yang mengandungi maklumat berikut:
  - i. Nama projek;
  - ii. Lokasi projek;
  - iii. No Pendaftaran Projek dengan JKPP;
  - iv. Nama beserta no telefon Pengurus Projek;
  - v. Nama beserta No. Pendaftaran JKPP Pegawai
  - vi. Keselamatan dan Kesihatan Projek (Jika ada);
  - vii. Nama beserta No Pendaftaran Penyelia Keselamatan Tapak Bina (SSS);
  - viii. Nama dan jawatan orang yang ditetapkan (designated person) yang mengawasi perjalanan kerja- kerja kritikal tersebut; dan
  - ix. Alasan konkrit mengapa kerja kritikal berkenaan perlu dilakukan.
- b. Gambar lokasi sekitar kerja-kerja kritikal berkenaan;
- c. Dokumen HIRAC bagi kerja-kerja kritikal tersebut;
- d. Prosedur kerja selamat bagi melaksanakan kerja kritikal berkenaan;
- e. Salinan surat kelulusan melakukan kerja – kerja kritikal yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR); dan
- f. Langkah yang diambil oleh majikan bagi mencegah jangkitan penyakit COVID-19 sewaktu kerja - kerja berkenaan dilaksanakan.

Permohonan lengkap hendaklah dikemukakan menerusi email terus ke Pejabat JKPP Negeri di mana projek berada dan disalinkan kepada [projkpp@mohr.gov.my](mailto:projkpp@mohr.gov.my). Permohonan yang tidak lengkap akan DITOLAK oleh JKPP.

**6. Bagaimana cara penghantaran borang JKPP 6 kes kemalangan pekerjaan semasa tempoh kawalan pergerakan.**

JKPP 6 perlu dihantar melalui sistem atas talian ([mykkp.dosh.gov.my](http://mykkp.dosh.gov.my)) sahaja.

**7. Bagaimana jadual temuduga Orang Yang Kompeten (OYK) yang jatuh pada tempoh Perintah?**

Semua aktiviti temuduga / verifikasi OYK ditangguhkan sehingga dimaklumkan kemudian.

**8. Notis Pembaikan (NOI) saya tamat tempoh dalam tempoh Perintah. Bagaimana saya nak batalkan notis tersebut?**

Bukti pembaikan perlu dikemukakan melalui e-mail. Pegawai akan menilai tahap pembaikan yang dilakukan dan jika beliau berpuashati, pegawai akan memberi maklumbalas secara bertulis. Penutupan notis secara fizikal akan dilakukan selepas tempoh Perintah.

**9. Perlukah kerja-kerja selenggaraan lif penumpang di pangsapuri / kompleks perniagaan dihentikan semasa tempoh Perintah?**

Kerja-kerja penyelamat dan pembaikan kerosakan lif boleh dijalankan. Kerja-kerja selenggaraan lain dibuat pada kadar minima tetapi masih tertakluk dengan arahan terkini Majlis Keselamatan Negara.

**10. Adakah perkhidmatan helpdesk MyKKP beroperasi?**

Perkhidmatan helpdesk MyKKP beroperasi seperti biasa melalui telefon dan emel iaitu:-

- a) Tel : 01111929207 dan 0182584685
- b) Email: <mailto:mykkp@mohr.gov.my>
- c) Laman web: <http://mykkp.dosh.gov.my>

**11. Pemeriksaan ulangan jentera berperakuan yang tamat tempoh perakuan kelayakan dalam tempoh Perintah (18 Mac 2020 – 31 Mac 2020)?**

- a. Jentera berkenaan boleh dipertimbangkan untuk diberikan penangguhan pemeriksaan ulangan mengikut peruntukan perundangan sedia ada dengan

syarat mendapat permohonan rasmi penangguhan daripada pemilik/pemunya jentera.

- b. Pengarah Bahagian / Negeri boleh membenarkan pemeriksaan ini dijalankan atas sebab-sebab keselamatan yang kritikal, tetapi masih tertakluk dengan arahan terkini Majlis Keselamatan Negara.

**12. Apakah tindakan kepada majikan yang tidak mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan (18 Mac 2020 – 31 Mac 2020)?**

Lapor kepada pihak Polis dan RELA. Pegawai Polis Diraja Malaysia dan RELA telah dilantik sebagai pegawai yang diberi kuasa di bawah Seksyen 3, Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Akta 342).

**13. Majikan tidak bayar gaji, jika pekerja tidak datang kerja. Jawapan:**

Rujuk Jabatan Tenaga Kerja (JTK).

**14. Majikan tidak menjalankan langkah kawalan di tempat kerja untuk risiko Covid-19.**

Lapor kepada Pejabat JKPP Negeri yang terdekat.

**15. Jika pihak majikan telah diberikan kebenaran oleh Kerajaan untuk beroperasi dalam tempoh Perintah, apakah tanggungjawab majikan untuk memastikan langkah-langkah pencegahan COVID-19 di tempat kerja?**

Majikan perlu mengambil langkah - langkah berikut :-

- a. Pihak majikan perlu menjalankan penilaian risiko dan menambah baik prosedur kerja bagi memastikan pendedahan risiko virus berkenaan terhadap pekerja dapat dikurangkan termasuklah mengurangkan bilangan pekerja kepada tahap paling minima dan mewujudkan system bekerja darirumah bagi pekerja yang tidak terlibat dengan aktiviti kerja yang kritikal.
- b. Pihak majikan perlu menjalankan saringan kesihatan dengan menjalankan pemeriksaan suhu badan kepada semua pekerja pada setiap hari di pintu masuk premis kerja serta memastikan pekerja terbabit bebas daripada gejala demam,

batuk atau kesukaran bernafas. Pekerja yang mempunyai suhu badan abnormal perlu dirujuk dengan segera ke hospital/ klinik bagi mendapatkan pandangan dan rawatan perubatan.

- c. Pihak majikan perlu mengenalpasti pekerja-pekerja yang telah melawat ke negara-negara yang terkesan dengan virus COVID-19 terutamanya jika mereka mempunyai gejala seperti demam, batuk dan kesukaran bernafas untuk mendapatkan rawatan SEGERA. Pihak majikan hendaklah mematuhi arahan kuarantin yang dikeluarkan ke atas pekerjaanya oleh pengamal perubatan berdaftar atau pihak berkuasa berkenaan.
- d. Semua majikan dan pekerja tidak dibenarkan ke luar negara dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.
- e. Semua majikan perlu menyediakan alat pelindung diri yang bersesuaian kepada pekerja berdasarkan penilaian risiko yang telah dijalankan.
- f. Pihak majikan dan pekerja perlu mengamalkan tahap kebersihan diri yang tinggi seperti kerap mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun atau bahan pencuci tangan (hand sanitizer).
- g. Pihak majikan dan pekerja perlu mengelak daripada mengunjungi tempat tumpuan ramai dan bergaul rapat dengan mana-mana individu yang bergejala serta mengamalkan social distancing di kalangan pekerja;
- h. Pihak majikan dan pekerja perlu segera mendapatkan rawatan perubatan sekiranya jatuh sakit (iaitu mengalami gejala jangkitan saluran pernafasan seperti demam, batuk mahupun kesukaran untuk bernafas)
- i. Semua pekerja digesa untuk bekerjasama dan mematuhi arahan majikan dalam menangani penularan wabak ini berdasarkan Seksyen 24(1) AKKP 1994.
- j. Pihak majikan dan pekerja hendaklah sentiasa mematuhi sebarang arahan dan prosedur pencegahan COVID-19 yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara dari masa ke semasa.

## JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN

### BAYARAN GAJI

**16. Adakah majikan perlu membayar gaji semasa tempoh 14 hari Perintah Kawalan Pergerakan yang bermula 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020 [Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di Dalam Kawasan Tempatan) 2020]?**

Ya, gaji pekerja beserta elaun yang berkaitan hendaklah dibayar, melainkan elaun itu berkaitan dengan kehadiran/perjalanan (yang tidak dilakukan dalam tempoh tersebut).

**17. Sekiranya majikan melaksanakan pemotongan gaji atau lay-off atau memaksa pekerja mengambil cuti tahunan atas alasan perniagaan terjejas disebabkan COVID-19 atau gagal membayar gaji penuh sepanjang tempoh 14 hari Perintah Kawalan Pergerakan, bolehkah pekerja menganggap berlakunya pemecahan kontrak perkhidmatan dan seterusnya menganggap perkhidmatannya telah ditamatkan secara terancang (*constructive dismissal*).**

Bagi membolehkan seseorang pekerja menganggap perkhidmatannya telah ditamatkan secara terancang (*constructive dismissal*), empat syarat berikut perlu dipatuhi:

- i. Berlakunya pelanggaran kontrak perkhidmatan.
- ii. Pelanggaran tersebut mesti melibatkan pelanggaran asas kontrak (*root of the contract*).
- iii. Pekerja perlu memaklumkan dan memberi masa kepada majikan untuk membetulkan pelanggaran kontrak tersebut.
- iv. Pekerja hendaklah meninggalkan pekerjaannya dengan segera disebabkan oleh pelanggaran kontrak berkenaan dan bukan disebabkan alasan lain.

**18. Bolehkah majikan mengarahkan pekerja untuk mengambil cuti tahunan atau menolak cuti tahunan tersebut bagi tempoh 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020 atau dalam mana- mana hari tempoh tersebut?**

Majikan tidak boleh memaksa pekerja mengambil cuti tahunan, kerana cuti tahunan hendaklah atas kehendak dan permohonan pekerja sendiri.

**19. Bolehkah kesatuan sekerja membawa isu berkaitan dengan kegagalan majikan membayar gaji atau tindakan majikan memaksa pekerja-pekerja mengambil cuti tahunan sebagai pertikaian perusahaan di bawah Seksyen 18 Akta Perhubungan Perusahaan 1967?**

Kesatuan sekerja yang terlibat boleh membawa isu berkaitan dengan kegagalan majikan membayar gaji atau tindakan majikan memaksa pekerja-pekerja mengambil cuti tahunan sebagai pertikaian perusahaan di bawah Seksyen 18 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 sekiranya pertikaian tersebut melibatkan ahli kesatuan tersebut.

**20. Bolehkah majikan yang terjejas akibat COVID-19 seperti syarikat-syarikat penerbangan melaksanakan pemotongan gaji kepada pekerja-pekerja sebagai langkah bagi mengelakkan pemberhentian kerja?**

Sebarang bentuk pemotongan gaji perlu dirundingkan dan mendapat persetujuan daripada pekerja terlebih dahulu. Sekiranya terdapat perjanjian kolektif, perundingan dan persetujuan perlu diperolehi daripada kesatuan sekerja yang mewakili pekerja-pekerja berkenaan.

## **PENUTUPAN PREMIS PERNIAGAAN**

**21. Bolehkah Syarikat yang dikehendaki menutup premis berikutan Perintah Kawalan Pergerakan mengarahkan pekerja untuk melaksanakan tugas dari rumah? Sekiranya pekerja enggan mematuhi arahan tersebut, bolehkah majikan mengambil tindakan disiplin?**

Perintah Kawalan Pergerakan tidak menghalang mana-mana majikan daripada mengarahkan pekerja untuk melaksanakan tugas dari rumah. Majikan boleh mengambil tindakan disiplin terhadap pekerja yang ingkar arahan.

**22. Bolehkah Syarikat yang dikehendaki menutup premis berikutan Perintah Kawalan Pergerakan mengarahkan pekerjajanya datang untuk bekerja seperti biasa atau bekerja separuh hari?**

Tidak boleh berdasarkan Perintah Kawalan Pergerakan. Sekiranya majikan mengarahkan pekerja datang bekerja dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan, aduan boleh dikemukakan kepada Majlis Keselamatan Negara.

**PENGENEPIAN KERJA/ FRUSTRATION OF CONTRACT**

**23. Bolehkah majikan yang terjejas akibat COVID-19 mengambil tindakan pengenejian pekerja atau retrenchment?**

Pengenejian kerja atau retrenchment merupakan pengurangan pekerja akibat lebihan tenaga kerja. Secara umumnya pengenejian pekerja atau retrenchment adalah hak prerogatif majikan. Namun bagi memastikan proses pengenejian tersebut dibuat secara adil, terdapat 3 perkara utama yang perlu dipatuhi oleh pihak majikan. Pertama, alasan perniagaan majikan terjejas akibat COVID-19 hendaklah genuine dan bukan sengaja diada- adakan. Kedua, majikan dikehendaki untuk mengambil langkah- langkah bagi mengelakkan pemberhentian kerja terlebih dahulu seperti mengurangkan waktu kerja, menghadkan atau membekukan pengambilan pekerja baru, menghadkan kerja lebih masa, menghadkan kerja pada hari mingguan atau cuti am, mengurangkan gaji pekerja, melaksanakan pemberhentian bekerja sementara (lay-off). Ketiga, sekiranya pemberhentian kerja tidak dapat dielakkan, pekerja-pekerja asing perlu ditamatkan terlebih dahulu. Sekiranya pemberhentian melibatkan pekerja tempatan, Prinsip LIFO (Last In First Out) hendaklah dipatuhi. Walau bagaimanapun prinsip ini boleh diketepikan sekiranya majikan mempunyai justifikasi kukuh.

**24. Apakah yang boleh dibuat oleh pekerja-pekerja yang tidak berpuas hati dengan tindakan majikan melaksanakan pengenejian kerja berikutan COVID-19?**

Pekerja-pekerja yang menganggap pengenejian kerja yang dilakukan oleh pihak majikan dibuat tanpa sebarang sebab atau alasan yang munasabah boleh mengemukakan representasi secara bertulis kepada Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan untuk dipulihkan ke jawatan asal. Representasi perlu dikemukakan secara bertulis di pejabat Ketua Pengarah Perhubungan



Perusahaan yang berhampiran dalam tempoh 60 hari daripada tarikh pembuangan kerja [seksyen 20 Akta Perhubungan Perusahaan 1967].

**25. Adakah tempoh 14 hari Perintah Kawalan Pergerakan boleh dianggap sebagai frustration of contract?**

Tidak boleh kerana kegagalan majikan dan pekerja untuk memenuhi kewajipan kontrak tidak melibatkan tempoh yang panjang.

## **PENGIRAAN TEMPOH MASA**

**26. Adakah tempoh 14 hari perintah kawalan pergerakan yang bermula 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020 [Peraturan- Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di Dalam Kawasan Tempatan) 2020] akan diambil kira dalam pengiraan tempoh 60 hari yang ditetapkan di bawah seksyen 20 Akta Perhubungan Perusahaan 1967?**

Tempoh 14 hari perintah kawalan pergerakan yang bermula 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020 tetap akan diambil kira dalam pengiraan tempoh 60 hari yang ditetapkan di bawah seksyen 20 Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Walau bagaimanapun sekiranya hari ke 60 jatuh pada mana-mana hari dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020), 1 April 2020 akan dianggap sebagai hari ke 60.

**27. Adakah tempoh 14 hari perintah kawalan pergerakan yang bermula 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020 [Peraturan- Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020] akan diambil kira dalam pengiraan tempoh di bawah seksyen 9 Akta Perhubungan Perusahaan 1967?**

Tempoh 14 hari perintah kawalan pergerakan yang bermula 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020 tetap akan diambil kira dalam pengiraan tempoh di bawah seksyen 9 Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Walau bagaimanapun sekiranya hari terakhir jatuh pada mana-mana hari dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020), 1 April 2020 akan dianggap sebagai hari terakhir tersebut.

## PEMFAILAN KES

**28. Bolehkah pekerja-pekerja yang menganggap perkhidmatannya ditamatkan tanpa sebab atau alasan yang munasabah mengemukakan representasi pembuangan kerja melalui email/faks kepada mana-mana pejabat Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan yang berhampiran dalam tempoh perintah kawalan pergerakan?**

Boleh. Jabatan Perhubungan Perusahaan akan menerima representasi pembuangan kerja yang difailkan melalui email/faks.

## PERKHIDMATAN PERLU (ESSENTIAL SERVICES)

**29. Apakah definisi “essential services” yang diumumkan dalam Perutusan Khas YAB Perdana Menteri?**

“*Essential services*” merujuk kepada senarai yang dikeluarkan di bawah Peraturan-peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-langkah di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020 merangkumi penutupan semua premis kerajaan dan swasta kecuali yang terlibat dengan perkhidmatan penting negara atau essential services iaitu:

- i. Perbankan dan kewangan
- ii. Elektrik dan tenaga
- iii. Bomba
- iv. Perkhidmatan dan perusahaan pelabuhan, limbungan dan lapangan terbang, termasuk pemunggahan, pengangkutan laiter, pengendalian kargo, pemaliman dan penyimpanan atau pemukalan komoditi
- v. Pos
- vi. Penjara
- vii. Pengeluaran, penyuingan, penyimpanan, pembekalan dan pengagihan bahan api dan pelincir
- viii. Jagaan kesihatan dan perubatan
- ix. Pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam
- x. Pembentungan
- xi. Komunikasi, radio termasuk penyiaran dan televisyen
- xii. Telekomunikasi
- xiii. Pengangkutan melalui darat, air atau udara
- xiv. Air

- xv. E-dagang
- xvi. Pertahanan dan keselamatan
- xvii. Pembekalan makanan
- xviii. Hidupan liar
- xix. Imigresen
- xx. Kastam
- xxi. Hotel dan penginapan
- xxii. Apa-apa perkhidmatan atau kerja yang ditentukan oleh Menteri sebagai perlu atau kritikal kepada kesihatan atau keselamatan awam.

**30. Syarikat ingin memohon pengecualian penutupan premis perniagaan, kepada siapakah syarikat perlu mengemukakan permohonan?**

Mana-mana premis perniagaan yang tidak menyediakan perkhidmatan perlu (*essential services*) boleh dibuka dengan syarat bahawa pemilik dan penghuni premis itu mendapatkan kebenaran bertulis sebagaimana yang dinyatakan di bawah Perkara 5(2) Peraturan-peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-langkah di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020.

**31. Bagi syarikat di bawah essential services, bolehkah majikan menolak cuti rehat pekerja yang tidak diperlukan hadir bekerja berikutan syarikat hanya menjalankan operasi minimum?**

Majikan tidak boleh memaksa pekerja mengambil cuti tahunan, kerana cuti tahunan hendaklah atas kehendak dan permohonan pekerja sendiri.

**PEKERJA YANG DISYAKI/DIDAPATI POSITIF COVID-19**

**32. Sekiranya majikan masih mengarahkan pekerja hadir bekerja walaupun pekerja dikuarantin, adakah mereka boleh menolak permintaan majikan tersebut? Bolehkah majikan mengambil tindakan disiplin terhadap mereka sekiranya mereka tidak mengikut arahan majikan tersebut?**

Majikan tidak boleh mengarahkan pekerja dalam tempoh kuarantin untuk hadir bekerja atau mengambil tindakan disiplin disebabkan ketidakhadirannya itu.

## **PROGRAM PENGEKALAN PEKERJAAN (ERP) DAN LAIN- LAIN MANFAAT**

**33. Adakah pekerja yang terkesan akibat COVID-19 layak mendapat apa-apa manfaat daripada Kerajaan?**

Kerajaan telah mengumumkan insentif khas berkaitan isu ini. <https://www.pmo.gov.my/2020/03/mesyuarat-majlis-tindakan-ekonomi-bil-1-2020/>

34. Sebarang soalan dan jawapan berkaitan ERP, sila rujuk soalan lazim yang berkaitan PERKESO atau hubungi PERKESO 1-300- 22-8000 atau pertanyaan menerusi e-mel ke [perkeso@perkeso.gov.my](mailto:perkeso@perkeso.gov.my) atau salurkan aduan melalui [facebook.com/perkeso.official](https://www.facebook.com/perkeso.official)

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA  
20 MAC 2020**